



UMP pengendali program kolaborasi perkongsian pintar Kolej Komuniti

Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan universiti pertama yang dilantik Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi sebagai pengendali program melibatkan Kolej Komuniti dengan syarikat automotif dalam melahirkan tenaga kerja mahir bagi pembangunan ekonomi negara dalam bidang automotif.

Menerusi program di bawah Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED), pelajar yang dilatih UMP mengikut spesifikasi dan keperluan industri ini akan terus ditempatkan di industri terpilih sebagai pekerja mahir dan berpengetahuan (*k-Workers*).

Malah, penglibatan pihak JPKK, UMP dan industri sebagai rakan strategik ini mampu mempertingkatkan jaringan kerjasama dalam pelaksanaan program-program employability di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor berkata, kerjasama melibatkan industri, universiti dan institusi latihan ini penting bagi memperkukuh peranan Kolej Komuniti sebagai peneraju komuniti berilmu dan berkemahiran yang dapat menghubungkan pelbagai lapisan rakyat dengan pihak Kerajaan.

“Program ini bakal merealisasikan fasa pemeraksanaan peranan Kolej Komuniti sebagai pemangkin kepada penghasilan tenaga kerja berkemahiran yang berilmu dan berakhlak

yang menepati kehendak industri,” katanya semasa berucap dalam Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU), Penyerahan Surat Tawaran Kerja dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Industri di Hotel Equatorial Bangi pada 10gos 2012 yang lalu.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif turut dilaksanakan termasuk memperkenalkan kursus secara modular yang memberi fokus kepada latihan dan kemahiran yang tertumpu kepada tempoh pembelajaran yang lebih singkat.

Katanya, dalam memperkayakan sumbangan Kolej Komuniti terhadap komuniti setempat, peranannya diperkasa dengan penglibatan program pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) yang dijayakan melibatkan Kolej Komuniti dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bidang keusahawanan, akuakultur, rekaan dan sebagainya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai sebuah universiti teknikal, UMP perlu membantu kerajaan mengarus perdana dan memperluas akses pendidikan teknikal.

Katanya, di sinilah sinergi UMP bersama Jabatan Pengajian Kolej Komuniti ini dalam mentransformasi tenaga kurang mahir menjadi tenaga separuh mahir atau mahir bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara secara kompetitif.

Tambah beliau, penajajaran inisiatif

strategik ini juga akan membolehkan lepasan aliran TEVT menyambung pula pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi di UMP.

“Jalinan strategik ini telah memberi manfaat kepada lebih 400 orang penuntut Kolej Komuniti yang mengikut Program Kebolehpasaran.

Graduan Kolej Komuniti (Terus ke Pekerjaan) melalui tiga inisiatif yang diperkenalkan iaitu program *Automotive Junior Technician - Skill Professional Enrichment Development Programme* (SPEDP) dan *UMP Youth Certified Technician Programme (Vehicle Mechanical and Electrical Technical) Fasa I dan II*,” katanya yang turut memaklumkan lepasan program ini kini ditawarkan pekerjaan di beberapa industri automotif termasuk syarikat pengedar kenderaan Toyota, Mazda, Suzuki, Chevrolet, Mitsubishi, Perodua, Hyundai dan Honda.

Majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) ini juga menyaksikan UMP dan 24 syarikat di kalangan syarikat automotif; agensi akreditasi antarabangsa, makanan dan perkhidmatan, syarikat kecantikan dan spa, fotografi, teknologi maklumat, pelancongan dan hospitaliti.

Turut diadakan penyerahan surat tawaran kerja daripada industri dan penyerahan sebanyak 10 Automotif Scan Tool kepada pihak JKPP untuk digunakan di Kolej Komuniti terpilih.